

Isnin, Mac 05 2018

BR1M perlu penambahbaikan berterusan

■ KUALA LUMPUR 3 MAC.

PENAMBAHBAIKAN berterusan amat perlu untuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) berfungsi secara cekap, kata Bank Negara Malaysia (BNM).

Di peringkat awal, pemindahan tunai perlu mengutamakan kumpulan yang benar-benar kurang bernasib baik dan sama penting bagi penerima BR1M untuk keluar daripada kelompok berpendapatan rendah dari semasa ke semasa.

"Kemampuan BR1M akan bergantung kepada penggerakan kumpulan berpendapatan rendah melepasi kitaran kemiskinan antara generasi yang kejam dan meningkatkan tahap pendapatan."

"Dengan berbuat demikian, BR1M boleh ditambah baik dengan memastikan wujudnya mekanisme akhir, menjalinkannya kepada program galakan untuk mempertingkatkan modal insan dan produktiviti," menurut BNM dalam jawapan bertulis kepada

Libatkan lebih 7.2 juta penerima

DIBAYAR HARI INI

BR1M
Bantuan Rakyat 1Malaysia

➤ Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) mula diagihkan hari ini dengan peruntukan RM6.8 bilion.

➤ Datuk Seri Najib Tun Razak tangkis tohmahan kononnya diberi kerana kepentingan politik.

➤ Laksana atas cadangan Bank Negara Malaysia selepas kaedah subsidi pulak sebelum ini ditegur Bank Dunia.

➤ Tiga negeri

KERATAN Mingguan Malaysia
26 Februari 2018.

Bernama mengenai sama ada BR1M dikesalkan dan jika ia perlu mempunyai tempoh akhir.

Bank pusat menjelaskan di ne-

gara lain seperti Amerika Syarikat dan Amerika Latin, beberapa bentuk syarat berkaitan pendidikan dan penjagaan kesihatan dijadi-

kan sebahagian daripada pemindahan sosial.

"Memandangkan perubahan berstruktur (seperti penduduk

berusia, perubahan keadaan pekerjaan disebabkan teknologi dan peralihan dalam rangka sosial) telah berlaku dalam masyarakat di negara ini, kita perlu memastikan wujudnya rangka kerja perlindungan sosial menyeluruh untuk masa depan," menurut BNM.

Bagi jangka panjang, sebarang program bantuan tunai hanya perlu membentuk satu bahagian daripada sistem jaminan sosial nasional yang lebih menyeluruh, kata bank pusat.

"Secara kritis, sistem jaminan sosial tidak seharusnya mengakibatkan pergantungan keterlaluan kepada kebajikan negara atau stigma terhadap golongan miskin, sebaliknya ia memperkasakan dan membangunkan keupayaan isi rumah," menurut BNM.

Bank pusat berkata, dasar fiskal, struktur dan sosial yang lebih luas, termasuk berkaitan pasaran tenaga kerja dan pendidikan merupakan elemen utama dalam membentuk tahap dan liputan rangka kerja perlin-

dungan sosial yang mencukupi, BNM berkata, rangka kerja holistik bagi sistem jaminan sosial negara akan berasaskan tiga tonggak utama: perlindungan, pencegahan dan galakan.

Sekurang-kurangnya, bagi perlindungan, perlu wujud apa yang dipanggil "tingkat perlindungan sosial", yang termasuk BR1M atau sebarang bentuk jaminan pendapatan lain yang menyasarkan golongan miskin, berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik.

Dari segi pencegahan, ia menumpukan insurans sosial (termasuk pencen dan insurans pengangguran), malah Sistem Insurans Pekerjaan yang diperkenalkan baru-baru ini merupakan langkah bagi arah tuju yang tepat.

"Yang penting adalah melengkapkan sokongan pendapatan dengan aspek galakan, iaitu, kaedah dan peluang untuk rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pekerjaan berkualiti, kehidupan lebih baik dan taraf hidup yang lebih tinggi," menurut BNM. — BERNAMA



SEBAGIAN daripada 2,000 penduduk Portman Place yang menjadi kumpulan penerima pertama Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) beratur untuk memuat turun dan menerima pelancongan BR1M 2018 di Decora Komersyen Sutanji Baru (Jaya), Pulau Pinang, semalam. (Gambar: Muzi Yusoff/BERNAMA)